

Tiga rakyat Malaysia selamat

BH 27 SEP 2000

KUALA LUMPUR, Selasa - Semua tiga rakyat Malaysia yang diculik di Pulau Pandanan 10 September lalu, disahkan selamat, sekurang-kurangnya sehingga malam tadi.

Jurulatih selam, Joe Joseph Jongkinoh, 40; Pengurus Resort Pulau Pandanan, Mohd Noh Sulaiman @George Solomon dan kontraktor Kan Wei Chong, 31, kini ditahan di Mahala, Pulau Jolo, dibawah kawalan seorang penculik dikenali sebagai Titing Agga Noman.

Difahamkan, Titing dan kumpulannya kini bergerak dari satu tempat ke tem-

pat lain membawa tebusan Malaysia dengan harapan untuk 'menjual' mereka kepada pihak yang membuat tawaran paling tinggi.

Sumber berkata, sejak tentera Filipina melancarkan serangan ke atas kubu Abu Sayyaf 11 hari lalu, Titing dikatakan berpindah tempat beberapa kali untuk mengelak dikesan selain mencari pembeli.


Walaupun satu ketika Titing dan ketua Abu Sayyaf, Galib Andang atau lebih dikenali sebagai Komander Robot mengadakan rundingan untuk 'jual beli' tiga

rakyat Malaysia itu, ia gagal kerana kedua-dua pihak tidak mencapai persetujuan harga.

Titing Agga Noman ialah petani dari Tawi-Tawi yang kini menjadi perompak dan penculik sepenuh masa, mencari keuntungan dengan menculik dan menjual mangsanya untuk komisyen.

Dia bukan ahli kumpulan Abu Sayyaf dan difahamkan tujuannya menculik tiga rakyat Malaysia itu adalah untuk menjual mereka kepada kumpulan itu atau

LIHAT MUKA 5



Penculik asingkan 16 tebusan

DARI MUKA 1

BH 27 SEP 2000

kumpulan lain yang mahu meminta wang tebusan daripada kerajaan asing.

Maklumat risikan menunjukkan semua 16 tebusan di Pulau Jolo disembunyikan di tempat berlainan oleh tiga kumpulan berbeza.

Selain tiga rakyat Malaysia yang berada di Mahala, tebusan Amerika Syarikat, Jeffrey Schilling disembunyikan di Luuk oleh kumpulan diketuai Abu Sebaya (salah seorang pemimpin Abu Sayyaf), manakala 12 mubaligh Kristian berada bersama Galib dan Mujib Susukan di Tiis.

Difahamkan, usaha berasingan tentera Filipina mengadakan rundingan bagi membebaskan Schilling menggunakan khidmat dua timbalan datuk bandar dari Pulau Jolo, tidak membawa kejayaan kerana Abu Sebaya telah menolak tawaran mereka.

Setakat ini, Malaysia ti-

dak terbahut dalam sebarang rundingan berasingan atau cubaan membayar tebusan kepada kumpulan penculik. Malaysia menggunakan saluran diplomatik melalui kerajaan Filipina untuk berunding bagi membebaskan tiga rakyatnya.

Sumber memberitahu, pada malam tiga rakyat diculik, 14 anggota kumpulan Titing tiba di Pulau Pandanan tetapi hanya empat memasuki resort itu, manakala Titing sendiri berada di atas bot.

Selepas diculik, mereka dibawa ke Tawi-Tawi sebelum meneruskan perjalanan ke Kepulauan Sulu dan akhirnya ke selatan Pulau Jolo.

Sejak kejadian itu, Malaysia meningkatkan kawalan di perairan Sabah, khususnya di pulau peranginan, dengan menempatkan anggota tentera dan polis tambahan.

Semalam, Kementerian Pertahanan dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengumumkan masing-masing akan menghantar satu batalion tambahan ke Sabah bagi menghadapi kemungkinan penduduk selatan Filipina cuba memasuki Sabah berikutan serangan tentera Filipina di Pulau Jolo.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini berkata, Malaysia akan mengangap rakyat Filipina yang lari ke sini kerana serangan itu sebagai pelarian perang.

Sementara itu, lebih 20,000 penduduk Pulau Jolo terperangkap di pulau itu semalam apabila tentera Filipina mengepungnya, mengakibatkan pengangkutan dan komunikasi terputus.

Tentera juga melancarkan pemeriksaan dari rumah ke rumah, di sam-

ping meminta tambahan lima batalion untuk menjayakan misi mereka. Pada masa ini, kira-kira 4,000 anggota tentera Filipina menyertai serangan itu.

Sementara itu di MANILA, Duta Malaysia, Mohammad Arshad Hussain bimbang kerana pasukan keselamatan Filipina masih belum dapat mengesan dan menyelamatkan tiga rakyatnya yang diculik oleh puak pemisah.

"Saya semakin bimbang. Apa yang berlaku kepada tiga tebusan Malaysia itu," katanya di sini hari ini.

Mohammad Arshad berkata walaupun pegawai tentera sudah memberi jaminan semua tebusan masih hidup, "tetapi setakat ini, belum ada yang dikesan."

Katanya beliau sudah menghantar Atase Pertahanan kedutaan itu ke Mindanao untuk memantau keadaan tebusan itu.